

Ruj.Kami : PMS/UP/656-2 JLD.2 (23)

Tarikh : 21 Mei 2007

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Jabatan Wilayah Persekutuan Labuan

Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Perikanan Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 1 TAHUN 2007**

**PEMATUHAN PERATURAN URUSAN TENDER BAGI PEMBIAYAAN DI
BAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya, sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati kebanyakan Jabatan yang disediakan peruntukan di bawah belanjawan Kerajaan Persekutuan tidak sepenuhnya mematuhi peraturan-peraturan berkaitan dengan urusan tender yang telah digariskan di dalam Pekeliling-pekeling seperti berikut:

2.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil.8 Tahun 1997;
"Tindakan Segera Untuk Mengemukakan Perakuan Tender Jabatan Kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah"

2.2 Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil.16 Tahun 1997;
"Format Kertas Taklimat Tender Untuk Pertimbangan Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah"

2.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil.1 Tahun 2001;
"Kelemahan Di Dalam Penyediaan Spesifikasi /Dokumen Tender"

2.4 Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil.7 Tahun 2001
"Urusan-Urusan Tender- Dokumen Tender Dan Kriteria Pertimbangan Tender".

3. Keempat-empat Pekeliling berkenaan telah mengariskan dengan jelas panduan mengenai format penyediaan kriteria pemilihan serta keperluan menyegerakan urusan tender untuk pertimbangan LPPS bagi mencapai objektif ke arah ketelusan dan kecemerlangan dalam melaksanakan urusan tender-tender kerajaan.

4. Sehubungan dengan ini, perhatian dan kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan memperkemaskan lagi pelaksanaan sesuatu urusan tender berpandukan peraturan-peraturan dan panduan kewangan yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MOHD RANI BIN SAUD)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.

Sk Setiausaha Persekutuan Sabah
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Setiausaha Kementerian Kewangan Negeri Sabah